

Insurans/takaful kebakaran atau pemilik rumah – Soalan Lazim

No	Soalan	Jawapan
1	Adakah saya memerlukan perlindungan insurans/takaful kebakaran atau pemilik rumah jika hartanah saya dibiayai oleh Bank?	Ya, ini adalah satu keperluan untuk mempunyai perlindungan insurans/takaful kebakaran atau pemilik rumah.
2	Mengapa saya memerlukan insurans/takaful kebakaran atau pemilik rumah untuk hartanah saya?	<p>Ini adalah untuk melindungi anda dan kepentingan Bank sekiranya berlaku kehilangan atau kerosakan hartanah akibat kebakaran, kilat, letupan, banjir atau sebarang bahaya lain.</p> <p>Ia membenarkan pembinaan semula, membaiki dan mengembalikan semula hartanah sekiranya peristiwa yang diinsuranskan/dilindungi berlaku.</p>
3	Bagaimanakah saya menentukan jumlah yang diinsuranskan/dilindungi?	<p>Pastikan hartanah anda diinsuranskan/dilindungi pada jumlah yang mencukupi dengan mengambil kira pengubahsuaian yang dibuat pada hartanah dan potensi kos inflasi untuk membina semula. Anda dikehendaki menginsuranskan/melindungi hartanah anda dengan kos penuh pembinaan semula untuk mengelakkan hartanah anda di bawah insurans/dilindungi.</p> <p>Maklumat lanjut mengenai inflasi pembinaan, anda boleh rujuk <a href="https://www.dosm.gov.my">https://www.dosm.gov.my</a></p>
4	Hartanah saya ialah sebuah kondominium dan Perbadanan Pengurusan kondominium telah mengatitkan polisi/sijil induk. Adakah saya boleh membatalkan polisi/sijil yang diatur oleh Bank kerana unit saya berada di bawah polisi/sijil induk ini?	<p>Ya, boleh. Apa yang anda perlu lakukan ialah menghantar e-mel salinan polisi/sijil induk kepada <a href="mailto:csa.insurance@cimb.com">csa.insurance@cimb.com</a> sebelum tarikh tamat insurans/takaful seterusnya.</p> <p>Kebiasaannya, polisi/sijil induk di bawah Perbadanan Pengurusan meliputi bangunan sahaja. Ia akan memberi faedah kepada anda untuk memastikan bahawa jumlah itu mencukupi untuk menampung nilai penuh kos pembinaan semula termasuk pengubahsuaian dan kandungan.</p> <p>Anda boleh mempertimbangkan untuk mengekalkan polisi insurans/sijil takaful yang berasingan untuk menampung jurang dalam nilai (jika ada).</p>
5	Saya telah menghantar polisi/sijil induk daripada pihak pengurusan kepada Bank. Bilakah saya akan mendapat bayaran balik?	<p>Bayaran balik akan ditunjukkan dalam akaun pembiayaan anda dalam tempoh T+14 hari bekerja.</p> <p><i>Nota : Bagi kes yang kompleks, bayaran balik akan ditunjukkan dalam akaun pembiayaan dalam tempoh 21 hari bekerja.</i></p>

6	Bila dan bagaimana Bank akan memberitahu saya mengenai pembaharuan insurans/takaful pada tahun berikutnya?	<p>1. <b><u>Untuk polisi induk/sijil atau insurans/takaful sendiri yang diuruskan oleh pelanggan</u></b> Kami akan menghantar peringatan SMS dan surat pemberitahuan untuk mengingatkan anda tentang pembaharuan insurans/takaful dan untuk memberikan salinan polisi insurans/sijil takaful yang diperbaharui sebelum tarikh tamat tempoh.</p> <p>2. <b><u>Bagi insurans/takaful yang diuruskan oleh Bank</u></b> Kami akan memberitahu anda beberapa minggu sebelum tarikh tamat tempoh dan salinan polisi/sijil akan dihantar kepada anda melalui e-mel atau pos. Anda mempunyai 2 minggu untuk menyemak butiran sebelum pembayaran/sumbangan didebitkan daripada akaun pembiayaan anda.</p>
7	Adakah saya akan menerima polisi insurans/takaful/sijil setelah diperbaharui?	Ya, ia akan dihantar kepada anda melalui e-mel atau pos.
8	Bagaimanakah cara saya membuat tuntutan sekiranya berlaku kerugian?	Anda perlu memaklumkan kepada syarikat insurans/pengendali takaful dengan segera melalui telefon atau e-mel untuk menghantar borang tuntutan dengan semua dokumen sokongan dalam tempoh 14 hari bekerja dari tarikh kerugian.
9	Bagaimana jika saya tidak pernah menerima polisi/sijil dan bagaimana saya boleh meminta salinan?	<p>Anda boleh menghantar e-mel permintaan anda kepada Bank atau panel syarikat insurans/pengendali takaful di e-mel di bawah: -</p> <p><b>CIMB Bank</b> csa.insurance@cimb.com ATAU <b><u>Berjaya Sompo Insurance Berhad (Untuk Pinjaman Konvensional)</u></b> banca.cimb@bsompo.com.my ATAU <b><u>Takaful Ikhlas General Berhad (Untuk Pembiayaan Islamik)</u></b> ikhlascare@takaful-ikhlas.com.my</p>
10	Adakah insurans/takaful kebakaran atau pemilik rumah yang diatitkan oleh Bank meliputi kandungan rumah?	Tidak. Anda boleh membeli polisi kandungan rumah di bawah konvensional secara berasingan daripada laman web kami di <a href="http://www.cimb.com.my/sh">www.cimb.com.my/sh</a>

11	Bagaimanakah cara saya membayar premium insurans/sumbangan takaful?	<p>Jika pembelian insurans/takaful daripada syarikat insurans/pengendali takaful panel kami, premium/sumbangan akan didebitkan daripada akaun pinjaman/pembiayaan dengan Bank.</p> <p>Jika pembelian insurans/takaful daripada syarikat insurans/pengendali takaful bukan panel, anda perlu membuat pengaturan yang diperlukan dan berkongsi salinan polisi/sijil kepada Bank.</p>
----	---	--